

GARIS PANDUAN KONVENSYEN KIK JKR MALAYSIA 2021

1. PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan tatacara permohonan penyertaan, syarat-syarat penyertaan, kriteria penilaian dan skema pemarkahan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat JKR Malaysia. Garis panduan ini adalah selaras dengan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 – Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada tahun 2016.

2. OBJEKTIF

Objektif Konvensyen KIK JKR adalah untuk:

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga JKR yang terlibat dalam penghasilan inovasi serta memberi peluang kepada kumpulan KIK membuat persembahan;
- ii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan warga JKR agar dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan;
- iii. Meningkatkan penyertaan semua peringkat dan bahagian dalam jabatan dalam aktiviti penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan;
- iv. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang telah dilaksanakan dan terbukti mendatangkan manfaat agar dapat dicontohi dan diamalkan di seluruh JKR Malaysia dan agensi lain di dalam dan di luar negara amnya; dan
- v. Menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan.

3. BIDANG INOVASI

i. Bidang Inovasi Sosial

Bidang inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat.

ii. Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

Bidang inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

4. JENIS - JENIS INOVASI

i. Inovasi Penciptaan

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

ii. Inovasi Penambahbaikan

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.

5. KATEGORI PERTANDINGAN KIK JKR 2021

Dua (2) kategori inovasi yang dipertandingkan bagi Konvensyen KIK JKR 2021 adalah seperti berikut:

i. Kategori Teknikal

Sesuatu projek teknikal ialah projek yang menggunakan bidang pengetahuan yang tertentu seperti kejuruteraan, seni perusahan (industrial arts) dan sains gunaan (applied sciences). Masalah yang dikenal pasti dan yang telah diselesaikan oleh kumpulan adalah masalah yang berhubung kait dengan bidang yang dinyatakan. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan dan dilaksanakan juga adalah dalam bidang yang sama. Contoh projek teknikal ialah penciptaan peralatan baharu, pengubahsuaian reka bentuk peralatan lama kepada yang baharu, pembangunan sistem komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan pewujudan kaedah teknikal baharu.

ii. Kategori Pengurusan

Sesuatu projek yang bukan teknikal akan dimasukkan di bawah kategori pengurusan. Projek-projek di bawah kategori ini adalah yang berkaitan dengan penyelesaian masalah-masalah pentadbiran atau pengurusan sistem dan prosedur kerja. Contoh projek dalam kategori ini ialah penggabungan borang permohonan, pengenalan borang baru, pelaksanaan prosedur kerja baru, pengenalan sistem kerja yang baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada yang baru yang boleh menjimatkan masa, meningkatkan produktiviti atau hasil kerja, meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan atau meningkatkan kutipan hasil kerajaan.

6. PEMBENTUKAN KUMPULAN

i. KIK Primer

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) orang** tetapi **tidak melebihi sepuluh (10) orang** dari **agensi sama** untuk melaksanakan projek KIK.

ii. KIK Hibrid

Sekumpulan kakitangan terdiri daripada **dua (2) atau** lebih Kementerian/Jabatan/Agensi yang **berlainan fungsi**. Gabungan beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi ini akan melaksanakan projek KIK yang melibatkan isu/masalah/perkara yang berkaitan di antara Kementerian/Jabatan/Agensi terlibat. **Bilangan ahli tertakluk pada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek.**

7. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan seperti berikut:

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada semua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) diperingkat Cawangan/Negeri/Daerah;
- ii. Kumpulan KIK yang dicalonkan mestilah merupakan Kumpulan KIK yang telah mempersembahkan projek mereka kepada pengurusan JKR di peringkat masing-masing;
- iii. Projek KIK yang dikemukakan hendaklah merupakan projek yang belum pernah dipertandingkan dalam mana-mana Konvensyen KIK JKR Malaysia. (Atau dikenali dengan Konvensyen KMK sebelum ini);
- iv. Projek KIK hendaklah telah selesai dilaksanakan sebelum konvensyen pada tahun semasa;
- v. Bilangan ahli bagi setiap kumpulan adalah sekurang – kurangnya 2 orang dan tidak melebihi 10 orang termasuk ketua kumpulan;
- vi. Kumpulan KIK **wajib** hadir sesi pembentangan semasa saringan/ Konvensyen KIK.
- vii. Pihak sekretariat Konvensyen KIK JKR Malaysia berhak untuk membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana bahagian pada mana-mana syarat penyertaan pada bila-bila masa tanpa perlu merujuk kepada peserta; dan
- viii. Pihak sekretariat berhak menerima atau menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan KIK berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan juga di atas kuasa pertimbangan (sekiranya perlu). Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai Konvensyen oleh pihak sekretariat adalah muktamad.

8. PENILAIAN PROJEK

8.1 PROSES PENILAIAN PROJEK

Proses penilaian dan pemilihan pemenang Konvensyen KIK JKR dibuat melalui empat (4) peringkat seperti berikut:

i. Peringkat Pertama: Tapisan oleh Sekretariat.

Semua permohonan yang diterima akan melalui proses tapisan di peringkat sekretariat untuk memastikan permohonan memenuhi syarat-syarat penyertaan dan tatacara permohonan.

Semua kumpulan KIK yang melepasi proses tapisan akan dijemput untuk membuat pembentangan serta demonstrasi mengenai projek KIK masing-masing secara *pre-recorded video*.

ii. Peringkat Kedua: Saringan Konvensyen KIK

Saringan Konvensyen KIK diadakan bagi menyenarai pendek lima (5) kumpulan akhir bagi setiap kategori (Teknikal dan Pengurusan) untuk menyertai Konvensyen KIK.

Seterusnya, sesi soal jawab akan diadakan untuk membolehkan panel penilai mendapat maklumat terperinci dan penjelasan lanjut mengenai projek yang dihasilkan.

5 Kumpulan bagi setiap kategori yang disenarai pendek untuk menyertai Konvensyen KIK JKR Malaysia akan dimaklumkan oleh sekretariat melalui e-mel.

iii. Peringkat Ketiga: Konvensyen KIK

Kumpulan yang disenarai pendek berasaskan saringan akan dijemput untuk membuat pembentangan dan demonstrasi semasa Konvensyen KIK.

Seterusnya, sesi soal jawab akan diadakan untuk membolehkan panel penilai mendapat maklumat terperinci dan penjelasan lanjut mengenai projek yang dihasilkan serta membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria yang ditetapkan.

iv. Peringkat Keempat: Keputusan Muktamad Pemenang Konvensyen KIK JKR

Panel penilai akan memutuskan pemenang Konvensyen KIK JKR. Keputusan panel penilai adalah muktamad.

8.2 PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek adalah seperti di **Jadual 1** dan diterangkan secara terperinci di 8.3 dan 8.4.

BIL	KATEGORI PENILAIAN	TEMPOH	MARKAH	KETERANGAN	CATATAN
1.	Penilaian Melalui Dokumentasi Projek		80%	-	Sebelum sesi Saringan/ Konvensyen
2.	Sesi Pembentangan Pembuktian	10 minit	20%	Penilaian ke atas keberkesanan pembuktian projek	Semasa Saringan / Konvensyen
3.	Sesi Soal Jawab	15 minit		Panel penilai akan mengemukakan soalan bagi mendapatkan penjelasan lanjut daripada kumpulan yang bertanding	

Jadual 1: Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek.

8.3 PENILAIAN DAN PEMERIKSAAN MELALUI DOKUMENTASI PROJEK

8.3.1 SARINGAN KONVENSYEN KIK

Semua laporan lengkap KIK yang diterima akan diteliti dan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh JKR Malaysia sebelum saringan konvensyen mengikut kriteria dan skema pemarkahan seperti di **Lampiran J1**.

8.3.2 KONVENSYEN KIK

Laporan lengkap KIK bagi 10 kumpulan yang disenarai pendek untuk menyertai konvensyen akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh JKR Malaysia sebelum konvensyen mengikut kriteria dan skema pemarkahan seperti di **Lampiran J1**.

8.4 PENILAIAN MELALUI PEMBENTANGAN SEMASA SARINGAN KONVENSYEN DAN KONVENSYEN

a) Sesi Pembentangan Pembuktian

- i. Semua kumpulan dikehendaki menyediakan rakaman video pembentangan berkenaan projek KIK yang dihasilkan;
- ii. Tempoh masa video pembentangan projek untuk setiap kumpulan adalah selama **10 minit**;
- iii. Panel penilai akan membuat penilaian berdasarkan rakaman video dan laporan yang disediakan oleh setiap kumpulan;
- iv. Keputusan panel penilai adalah muktamad; dan
- v. Kriteria penilaian dan skema pemarkahan adalah seperti di **Lampiran J2**.

b) Sesi Soal Jawab

Tempoh sesi soal jawab untuk setiap kumpulan adalah selama **15 minit** untuk menjawab soalan-soalan daripada panel penilai mengenai projek KIK dan laporan yang telah dikemukakan.

9. TATACARA PENYERTAAN

9.1 BORANG PERMOHONAN

Untuk tujuan penyertaan, wakil Kumpulan KIK perlu mengisi borang penyertaan secara atas talian di laman sesawang <https://form.jotform.com/210268013598052> / imbas QR Code dibawah untuk mendaftar penyertaan.



9.2 PENYEDIAAN DOKUMEN KIK

Setiap penyertaan perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

9.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

- a) Ringkasan Eksekutif perlu merangkumi:
 - i. Penerangan Projek KIK;
 - ii. Penerangan kategori inovasi;
 - iii. Penjelasan keberhasilan projek (*Outcome*/ Impak); dan
 - iv. potensi pengembangan projek.
- b) Sediakan laporan ringkasan eksekutif menggunakan font Arial bersaiz 12 dan 1.5 spacing.
- c) Laporan tersebut adalah terhad kepada satu (1) muka surat A4 sahaja.

9.2.2 LAPORAN KOMPREHENSIF PROJEK

- a) Laporan yang disediakan perlu merangkumi:
 - i. Latar belakang kumpulan;
 - ii. Signifikan pemilihan projek;
 - iii. Tindakan penyelesaian;
 - iv. Keberhasilan projek (*Outcome*/ Impak) projek; dan
 - v. Potensi pengembangan projek.
- b) Had maksima laporan utama adalah **15 muka surat sahaja (*double sided*)** tidak termasuk muka depan dan dokumen sokongan/ apendiks.
- c) Had maksima dokumen sokongan/ apendiks yang berkaitan adalah **15 muka surat sahaja (*double sided*)**.
- d) Sediakan laporan menggunakan font Arial bersaiz 12 dan 1.5 spacing.
- e) Markah akan **ditolak** sekiranya laporan yang dikemukakan melebihi had maksima yang ditetapkan.
- f) Sila rujuk **LAMPIRAN 1** untuk panduan lengkap penyediaan laporan komprehensif projek KIK.

9.2.3 SLAID PEMBENTANGAN POWER POINT

- a) Slaid pembentangan power point (format .pptx) perlu mengandungi maklumat produk, gambar prototaip/ sampel/ produk dan fungsi.
- b) Sila sertakan gambar produk dari pandangan perspektif (hadapan, atas, kiri, kanan)

9.2.4 POSTER A1

- a) Poster perlu mengandungi maklumat:
 - i. Deskripsi produk;
 - ii. Masalah dan sebab produk dihasilkan;
 - iii. Keaslian (*originality and novelty*);
 - iv. Ciri-ciri kelestarian (*eco-friendly/ sustainability*);
 - v. Aplikasi dan potensi pengembangan produk;
 - vi. Gambar produk; dan
 - vii. Gambar dan nama kumpulan.
- b) Poster dikemukakan dalam format .pdf
- c) Poster yang disediakan perlu menggunakan **layout portrait** saiz A1.
- d) Saiz huruf perlulah mudah dibaca dari jarak 2 meter.
- e) Penyediaan poster bergantung kepada kreativiti masing-masing dan penerangan berkaitan produk inovasi boleh menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

9.2.5 RAKAMAN VIDEO PEMBENTANGAN AHLI KUMPULAN

- a) Pembentangan produk inovasi perlu dilakukan oleh ahli kumpulan sahaja.
- b) Durasi video pembentangan adalah 10 minit sahaja termasuk montaj (sekiranya ada).
- c) Suara pembentang, video dan gambar produk perlu jelas dan stabil.
- d) Rakaman video perlu dikemukakan dalam format .mp4.
- e) Penyediaan video adalah berdasarkan kreativiti masing-masing.

9.2.6 GAMBAR DAN VIDEO *BOOMERANG* AHLI KUMPULAN

- a) Gambar semua ahli kumpulan bersama produk inovasi perlu dikemukakan dalam format .jpeg.
- b) Video *Boomerang* ahli kumpulan perlu dikemukakan dalam format .mp4.

9.3 PENGHANTARAN DOKUMEN KIK

- a) Setiap penyertaan perlu menyediakan:
 - i. **Tiga (3) salinan dokumen (*hardcopy*) bagi perkara 9.2.1 dan 9.2.2;** dan
 - ii. **Satu (1) salinan dalam bentuk elektronik (*softcopy*) bagi perkara 9.2.1 hingga 9.2.6**
- b) Dokumen tersebut perlu dihantar kepada sekretariat KIK yang beralamat seperti berikut:

SEKRETARIAT KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) JKR MALAYSIA

Unit Inovasi Kejuruteraan
Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan,
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE),
Jalan Kemus, Simpang Ampat
78000 Alor Gajah, Melaka.

No. Telefon: 06 – 551 2260 / 2269

Emel: fadlizuha@jkr.gov.my / farahaiman@jkr.gov.my

- c) Kegagalan mengemukakan dokumen sepertimana dinyatakan di atas akan menyebabkan penyertaan terbatal.

10. PENGANUGERAHAN DAN HADIAH

Semua projek KIK yang bertanding akan dinilai oleh panel penilai yang diiktiraf oleh pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Hadiah kepada para pemenang Konvensyen KIK peringkat JKR Malaysia 2021 akan disampaikan semasa Konvensyen KIK JKR Malaysia 2021/ Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya dan Agensi.

Hadiah akan diberikan kepada Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3: Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi.**

PEMENANG	HADIAH BAGI SETIAP PEMENANG
JOHAN	RM 5,000, PIALA DAN SIJIL PENGHARGAAN
NAIB JOHAN	RM 3,000, DAN SIJIL PENGHARGAAN
TEMPAT KETIGA	RM 2,000, DAN SIJIL PENGHARGAAN

Jadual 2: Hadiah bagi setiap pemenang.

11. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup permohonan penyertaan dan penghantaran dokumen KIK adalah pada ~~30 Jun 2021~~ 16 Ogos 2021 . Sebarang permohonan penyertaan yang diterima selepas ~~30 Jun 2021~~ **16 Ogos 2021** tidak akan dipertimbangkan.

12. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi sekretariat program seperti di bawah:

Nama Pegawai	No. Telefon	e-mel
Jaini bin Kayapis	06-551 2253	jaini@jkr.gov.my
Siti Farah Aiman binti Md Sopian	06-551 2269	farahaiman@jkr.gov.my
Mohamad Fadlizuha bin Mahat	06-551 2260	fadlizuha @jkr.gov.my

Disediakan oleh:
 Sekretariat Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2021
 Unit Inovasi Kejuruteraan BIPPK CREaTE
 Jabatan Kerja Raya Malaysia



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) JKR MALAYSIA
BORANG PEMARKAHAN DOKUMENTASI



TAJUK PROJEK:			
NAMA KUMPULAN:			
CAW / BHG / NEG / DAERAH:			
<i>Arahan : Sila tanda (v) pada ruang yang berkaitan</i>			
JENIS KUMPULAN :	PRIMER	HYBRID	
KATEGORI :	TEKNIKAL	PENGURUSAN	
JENIS INOVASI :	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN	
NAMA PANEL :		TANDATANGAN :	

Skala Likert				
1	2	3	4	5
Amat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Amat Baik

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	SUB KRITERIA		WAJARAN	SKALA (PANEL)	MARKAH AKHIR	CATATAN
				(a)	(b)	(a) x (b) = (c)	
1	Latar Belakang & Penglibatan pihak pengurusan [6]	a.	Maklumat kumpulan (borang penyertaan) & Sokongan serta kelulusan pihak pengurusan tertinggi Jabatan	4			
		b.	Kolaborasi bersama Jabatan /Kementerian/ Agensi lain untuk menghasilkan projek inovasi*	2			
2	Signifikasi pemilihan projek dan pembuktian [10]	a.	Kaitan dengan fungsi utama jabatan / organisasi	1			
		b.	Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)	2			
		c.	Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional	2			
		d.	Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa	2			
		e.	Kaedah pemilihan projek dan analisis	2			
		f.	Penyataan sasaran Outcome dan Impak	1			

3	Tindakan penyelesaian [31]	a.	Strategi penghasilan/ penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools	8			
		b.	Ciri-ciri kelestarian	8			
		c.	Penghasilan dan Pengujian Prototaip	8			
		d.	Perakuan dari pihak bertauliah / berkuasa	3			
		e.	Pelaksanaan inovasi	4			
4	4.1 Outcome projek [35]	a.	Pencapaian Outcome dan Pembuktian	25			
		b.	Faedah sampingan (luar jangka)	10			
	4.2 Impak projek [18]	a.	Penilaian Impak dan Pembuktian	14			
		b.	Faedah sampingan (luar jangka)	4			
5	Potensi Pengembangan Inovasi [10]	a.	Tahap ketersediaan teknologi / sistem / proses	4			
		b.	Tahap Replikasi atau Pengkomersilan	6			
Jumlah				110			
Jumlah Akhir Markah Dokumentasi (80%)				(c) / 550 x 80% =%			



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) JKR MALAYSIA
BORANG PEMARKAHAN PEMBENTANGAN PEMBUKTIAN



TAJUK PROJEK:			
NAMA KUMPULAN:			
CAW / BHG / NEG / DAERAH:			
<i>Arahan : Sila tanda (v) pada ruang yang berkaitan</i>			
JENIS KUMPULAN :	PRIMER		HYBRID
KATEGORI:	TEKNIKAL		PENGURUSAN
JENIS INOVASI :	PENCIPTAAN		PENAMBAHBAIKAN
NAMA PANEL :		TANDATANGAN :	

Skala Likert				
1	2	3	4	5
Amat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Amat Baik

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	SUB KRITERIA		WAJARAN	SKALA (PANEL)	MARKAH AKHIR	CATATAN
				(a)	(b)	(a) x (b) = (c)	
1	Pengenalan Projek [5]	a.	Pengenalan / Pendahuluan dan Latar Belakang Projek	5			
2	Analisis Projek [30]	a.	Kaedah analisis jelas dan difahami	9			
		b.	Kesinambungan idea antara idea	9			
		c.	Persembahan data yang tersusun dan menarik	12			
3	Cadangan Penyelesaian [30]	a.	Cadangan yang kreatif, jelas dan difahami	9			
		b.	Pemilihan cadangan yang logik dan difahami	9			
		c.	Pelaksanaan (dry run) yang logik dan difahami	12			

4	Outcome & Impak [30]	a.	Outcome diukur dan dijelaskan dengan baik	13			
		b.	Impak diukur dan dijelaskan dengan baik	17			
5	Kualiti Pembentangan [5]	a.	Tersusun, dan menepati masa	5			
Jumlah				100			
Jumlah Akhir Markah Persembahan (20%)				(c) / 500 x 20% =%			